



GARIS PANDUAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR JABATAN PERTANIAN

TAHUN 2024

**Disediakan oleh:
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Pertanian Malaysia**

<u>BIL</u>	<u>ISI KANDUNGAN PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.0	Tujuan	2
2.0	Tafsiran	2
3.0	Latar Belakang	3
4.0	Pelaksanaan	6
5.0	Syarat-Syarat Kelayakan	7
6.0	Tatacara Permohonan	9
7.0	Bidang-Bidang Yang Diperlukan	10
8.0	Permohonan Kemudahan Cuti Belajar Yang Tidak Melalui Ketua Jabatan	10
9.0	Tanggungjawab Pegawai	11
10.0	Tanggungjawab Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Pertanian	12
11.0	Tanggungjawab Panel Temu Duga	13
12.0	Hak Jabatan	14
13.0	Tarikh Berkuat Kuasa	14
14.0	Pembatalan	14
15.0	Rujukan	14
16.0	Senarai Lampiran	
	Lampiran 1 : Carta Alir Kemudahan Cuti Belajar Jabatan Pertanian	16
	Lampiran 2 : Jenis-Jenis Penyakit Kronik	18
	Lampiran 3 : Senarai Semak Permohonan Kemudahan Cuti Belajar	19
	Lampiran 4 : Format Kertas Cadangan Penyelidikan / Pengajian	26
	Lampiran 5 : Senarai Bidang Pengajian Keperluan Jabatan Pertanian Tahun 2023 Hingga Tahun 2030	27
17.0	Senarai Borang-Borang	
	Borang JPA(L)LDP1B/96(Pind.2020) : Borang Permohonan Mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan	31
	Borang JPA(L)LDP1A/96 : Laporan Jawatankuasa Latihan Kementerian / Jabatan Untuk Kursus Dalam Perkhidmatan	37
	Borang PMI/KCB/1 : Borang Sokongan Pengarah Bahagian / Negeri	38
	Borang PMI/KCB/2 : Borang Kelulusan Ketua Pengarah Pertanian	39
	Borang PMI/KCB/3 : Aku Janji Pegawai Cuti Belajar Jabatan Pertanian	40
	Borang PMI/KCB/4 : Status Pengajian Pegawai Jabatan Pertanian	41
	Borang PMI/KCB/5 : Borang Pengisytiharan Percanggahan Kepentingan (<i>Conflict Of Interest</i>)	42

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini menjelaskan dasar pemberian kemudahan cuti belajar kepada pegawai di Jabatan Pertanian. Kursus yang terlibat dalam garis panduan ini adalah kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa atau separuh masa atau sambilan sama ada dengan biasiswa, tanpa biasiswa atau tajaan persendirian di dalam atau luar negara.

2.0 TAFSIRAN

Bagi tujuan Garis Panduan ini:

- i. **“Biasiswa”** bermakna kemudahan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Asing atau Badan Antarabangsa bagi membiayai yuran pengajian, elaun sara hidup dan kemudahan-kemudahan lain semasa dalam tempoh berkursus;
- ii. **“Cuti Belajar”** (dalam Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai Cuti Berkursus) bermakna cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;
- iii. **“Kursus”** bermakna sebarang kursus atau Latihan berbentuk akademik atau kemahiran atau kepakaran, latihan amali atau latihan praktikal, program sangkutan atau *internship*;
- iv. **“Kursus Jangka Sederhana”** bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi tiga (3) bulan tetapi tidak melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;

- v. **“Kursus Jangka Panjang”** bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
- vi. **“Ketua Jabatan”** merujuk kepada Ketua-Ketua Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Persekutuan.

3.0 LATAR BELAKANG

- 3.1 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 telah menggariskan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Bagi menyokong dasar tersebut, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 yang merangkumi struktur dan program-program latihan yang lebih sistematik dan komprehensif telah dikeluarkan sebagai garis panduan untuk memastikan anggota awam dilengkapi dengan latihan berasaskan kompetensi dan pembelajaran berterusan.
- 3.2 Bagi melengkapkan kedua-dua Dasar dan Pelaksanaan Pelan Latihan Sektor Awam tersebut, Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar ini dikeluarkan sebagai rujukan kepada warga Jabatan Pertanian dalam menguruskan pemberian cuti belajar kepada pegawai-pegawai yang ingin mengikuti kursus.
- 3.3 Pegawai Skim Perkhidmatan Pertanian di Jabatan Pertanian mempunyai peluang untuk mengikuti kemudahan cuti belajar ke peringkat yang lebih tinggi (Sijil Kemahiran berkaitan Pertanian, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah) dengan permohonan melalui Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI), Jabatan Pertanian dan diperaku oleh Ketua Jabatan dan seterusnya diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

3.4 Kemudahan cuti belajar adalah berdasarkan empat (4) kategori berikut:

3.4.1 Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)

Cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun yang berkecualan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan biasiswa atau tanpa biasiswa. Kemudahan CBBP dibahagikan kepada tiga (3) kategori berikut:

- a. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) atau Dengan Biasiswa Kerajaan Asing atau Badan Antarabangsa (CBBPDHL) atau Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP);
- b. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB); dan
- c. Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB).

3.4.2 Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG)

Cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut, pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun yang berkecualan atas kadar separuh mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan biasiswa atau tanpa biasiswa.

3.4.3 Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)

Cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut, pegawai tidak dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-

lain elaun yang berkecualan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan biasiswa atau tanpa biasiswa.

3.4.4 Cuti Tanpa Rekod Kursus Sambilan

Cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian secara sambilan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara seperti mana yang tertakluk di dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Cuti Versi 1.0 (2022), Ceraian SR.5.2.5: Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kursus Sambilan Kepada Pegawai Yang Mengikuti Pengajian Secara Sambilan Di Institusi Pengajian Tinggi Dalam Negara. Pemohon layak menerima Cuti Tanpa Rekod Kursus Sambilan yang diselaraskan di Bahagian Khidmat Pengurusan (BK), Jabatan Pertanian.

3.5 Pegawai di Jabatan Pertanian yang melanjutkan pengajian dengan tajaan biasiswa dalam negara atau kerajaan Asing atau Badan Antarabangsa, **WAJIB** menghantar permohonan melalui BPMP untuk diperakui oleh Ketua Jabatan sebelum menerima tawaran daripada penaja.

3.6 Manakala bagi pegawai yang melanjutkan pengajian tanpa tajaan biasiswa atau pembiayaan sendiri samada sepenuh masa atau sambilan adalah **DIWAJIBKAN** mendapatkan kelulusan daripada Ketua Jabatan terlebih dahulu sebelum memohon pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Pegawai kategori ini tidak tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan bagi perkara 5.1 (iii), (iv) serta (x). (Permohonan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kursus Sambilan).

3.7 Ini adalah bagi mengawal pelbagai implikasi berikut:

3.7.1 Kawalan bilangan permohonan kemudahan cuti belajar di peringkat dalaman Jabatan iaitu penetapan bilangan bagi penjawat awam di Jabatan atau Agensi untuk Skim Bukan Gunasama menyambung

pengajian di peringkat sarjana lanjutan adalah di bawah kuasa Ketua Jabatan melalui kawalan dalaman. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mempertimbangkan permohonan tersebut jika permohonan berkenaan telah diperaku oleh Ketua Jabatan.

3.7.2 Beban tugas berganda yang perlu dilaksanakan oleh pegawai sedia ada di Jabatan Pertanian; dan

3.7.3 Kekangan Jabatan dalam merancang dan melaksanakan perancangan semasa.

4.0 PELAKSANAAN

4.1 Jabatan Pertanian bertanggungjawab untuk memastikan pegawai di Jabatan Pertanian dilengkapi dengan latihan yang lebih sistematik dan komprehensif berasaskan kompetensi serta pembelajaran yang berterusan.

4.2 Selain daripada latihan dan kursus jangka pendek yang telah disediakan, Jabatan juga merancang dan menggalakkan pegawai di Jabatan Pertanian untuk memohon kemudahan cuti belajar ke tahap yang lebih tinggi iaitu Sijil Kemahiran, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah secara sepenuh masa atau separuh masa.

4.3 BPMI, Jabatan Pertanian selaku penyelaras dan Urus Setia bertanggungjawab untuk membuat hebahan dan memproses permohonan kemudahan cuti belajar bagi pegawai di Jabatan Pertanian.

4.4 Pelaksanaan Kemudahan Cuti Belajar Jabatan Pertanian adalah seperti di **Lampiran 1.**

5.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

5.1 Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana yang sedang berkhidmat secara tetap;
- ii. Telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
- iii. Memperolehi markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 85% ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (bergantung kepada tahun penawaran) dalam skim perkhidmatan terkini. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
- iv. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun dan ke atas;
- v. Selepas 3 tahun mendapat kenaikan pangkat di jawatan hakiki / fleksi;
- vi. Syarat had umur pegawai semasa permohonan tertakluk kepada peraturan ditetapkan oleh JPA dari semasa ke semasa (rujuk perkara 5.2);
- vii. Permohonan disokong oleh Pengarah Bahagian atau Pengarah Pertanian Negeri;
- viii. Melempi temu duga dan disokong oleh panel temu duga yang dilantik (Bagi permohonan peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah sahaja);
- ix. Diperaku oleh Ketua Jabatan melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM);
- x. Memohon pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik semasa yang dimiliki oleh pegawai;
- xi. Tidak mengikuti kursus jangka sederhana (melebihi 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan) dalam tempoh 1 tahun ke belakang atau kursus jangka panjang (melebihi 12 bulan) dalam tempoh 2 tahun ke belakang;
- xii. Bersih daripada sebarang pertuduhan tindakan tatatertib dan dakwaan mahkamah;
- xiii. Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh 5 tahun terkini;
- xiv. Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman atau biasiswa JPA;
- xv. Pegawai bebas daripada sebarang penyakit kronik;
*Ahli keluarga pemohon yang dibawa bersama (pengajian luar negara) juga perlu bebas daripada sebarang penyakit kronik seperti di **Lampiran**

2.

xvi. Lain-lain syarat terkini yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

xvii. Walau bagaimanapun syarat-syarat bagi 5.1 v, vii dan viii adalah tertakluk kepada perubahan arahan Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

5.2 Syarat had umur kemudahan cuti belajar adalah seperti berikut:

5.2.1 Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)

Berumur tidak melebihi 50 tahun untuk peringkat Sarjana, dan tidak melebihi 45 tahun bagi peringkat Doktor Falsafah pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau tarikh yang ditetapkan oleh penaja mengikut mana yang berkenaan. Walau bagaimanapun, syarat ini tertakluk kepada peraturan had umur yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari semasa ke semasa.

5.2.2 Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG)

Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan oleh penaja mengikut mana yang berkenaan. Walau bagaimanapun, syarat ini tertakluk kepada peraturan had umur yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari semasa ke semasa.

5.2.3 Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)

Berumur tidak melebihi 45 tahun bagi pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Pertama, 46 tahun bagi pengajian di peringkat Sarjana dan 44 tahun bagi pengajian di peringkat Ph.D pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau tarikh yang ditetapkan oleh penaja mengikut mana yang berkenaan. Walau bagaimanapun, syarat ini tertakluk kepada peraturan had umur yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari semasa ke

semasa.

5.2.4 Cuti Tanpa Rekod Kursus Sambilan

Tidak tertakluk kepada had umur (syarat ini tertakluk kepada peraturan ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari semasa ke semasa).

6.0 TATACARA PERMOHONAN

- 6.1 BPMI akan membuat hebahan permohonan kemudahan cuti belajar kepada warga Jabatan Pertanian melalui e-mel dan surat rasmi;
- 6.2 Permohonan kemudahan Cuti Belajar bagi **tempoh Januari hingga Jun akan diproses pada bulan Julai**, manakala permohonan bagi **tempoh Julai hingga Disember akan diproses pada Januari** setiap tahun;
- 6.3 Surat permohonan rasmi dan Kertas Cadangan Pengajian yang disokong oleh Pengarah Bahagian atau Pengarah Pertanian Negeri perlu dikemukakan kepada BPMI untuk penyelarasan. Dokumen yang perlu dikemukakan bersama kepada BPMI adalah seperti di **Lampiran 3**. Format Kertas Cadangan Penyelidikan atau Pengajian adalah seperti di **Lampiran 4**;
- 6.4 Semua permohonan akan ditemu duga oleh panel yang dilantik sebelum dinilai dan diperaku oleh Ketua Jabatan dalam Mesyuarat PPSM;
- 6.5 Selepas ditemu duga, permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke BPMI, Jabatan Pertanian. BPMI tidak akan memproses permohonan yang diterima sekiranya tidak lengkap. Dokumen yang perlu disertakan bagi setiap permohonan adalah seperti di dalam **Lampiran 3**;
- 6.6 Mesyuarat PPSM akan membuat penilaian dan perakuan setiap permohonan kemudahan cuti belajar bagi pegawai di Jabatan Pertanian;

- 6.7 BPMI akan memaklumkan keputusan Mesyuarat PPSM kepada pemohon dan hanya akan memproses permohonan yang telah **diperaku** dalam Mesyuarat PPSM;
- 6.8 Setiap permohonan bagi semua kategori kemudahan cuti belajar akan diproses mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). BPMI perlu memastikan setiap pemohon memenuhi syarat seperti di **Perkara 5.0**; dan
- 6.9 BPMI akan mengemukakan permohonan yang telah diperaku dalam Mesyuarat PPSM ke Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

7.0 BIDANG-BIDANG YANG DIPERLUKAN

- 7.1 Pegawai Skim Perkhidmatan Pertanian yang memohon untuk kemudahan cuti belajar perlu mengikuti pengajian dalam bidang yang diperlukan oleh Jabatan Pertanian pada tahun semasa. Senarai bidang adalah seperti di **Lampiran 5**.
- 7.2 Pegawai Skim Perkhidmatan Pertanian yang telah diluluskan untuk kemudahan cuti belajar dalam bidang yang dipohon **tidak dibenarkan** menukar bidang atau mod pengajian seperti yang diperaku dalam Mesyuarat PPSM.

8.0 PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR YANG TIDAK MELALUI KETUA JABATAN

- 8.1 Mana-mana permohonan melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang tidak melalui perakuan Ketua Jabatan di dalam Mesyuarat PPSM seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Bil. 6 Tahun 2005, maka **tidak akan dipertimbangkan** untuk mendapatkan kemudahan cuti belajar.

9.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

9.1 Tanggungjawab pegawai adalah:

- i. **Surat Tawaran Tetap** cuti belajar daripada JPA perlu dihantar kepada BPMP dan BK untuk direkod;
- ii. Pegawai perlu menandatangani Borang Aku Janji Pegawai Cuti Belajar Jabatan Pertanian seperti Borang PMI/KCB/3 (2 salinan) selepas mendapat Surat Tawaran Tetap daripada JPA. Borang tersebut perlu dihantar kepada BPMP;
- iii. Rangka pelan pengajian (*plan of study*) dan laporan kemajuan akademik setiap semester yang dimuatnaik dalam portal MySELF perlu dihantar kepada BPMP;
- iv. Pegawai perlu mendapat kelulusan dan perakuan secara bertulis daripada Jabatan Pertanian sekiranya terdapat perubahan bidang, mod pengajian, tajuk penyelidikan dan tempat pengajian sebelum dikemukakan kepada JPA untuk kelulusan;
- v. Mengemukakan permohonan **Lapor Diri** secara atas talian melalui portal MySELF, JPA **satu bulan sebelum tarikh tamat** tempoh tajaan atau **tamat pengajian**;
- vi. Pegawai yang masih belum menamatkan pengajian dalam tempoh minimum yang ditetapkan oleh JPA boleh **menghantar permohonan pelanjutan 3 bulan sebelum tamat cuti belajar** kepada BPMP untuk diperaku oleh Ketua Jabatan. Pelanjutan hanya dipertimbangkan jika terdapat perubahan dari segi struktur pengajian atau tempoh cuti belajar dan penajaan tamat pada pertengahan semester. Permohonan hendaklah dikemukakan ke BPMP dengan melampirkan dokumen-dokumen berikut:

- a. Surat justifikasi permohonan;
 - b. Surat ulasan dan pengesahan penyelia;
 - c. Rangka kursus (*plan of study*) atau carta perbatuan;
 - d. Kalendar akademik universiti bagi semester pelanjutan yang dipohon; dan
 - e. Laporan kemajuan kursus atau keputusan peperiksaan.
- vii. **Melapor diri bertugas di BK** setelah tamat pengajian atau tamat tempoh cuti belajar yang diluluskan atau mana yang terdahulu;
- viii. **Memastikan BK mengemukakan surat pengesahan lapor diri ke BMI, JPA dan satu (1) salinan kepada BPMI, Jabatan Pertanian;**
- ix. Memaklumkan status pengajian kepada BPMI seperti **Borang PMI/KCB/4**; dan
- x. Setelah tamat pengajian, perlu mengemukakan dokumen berikut kepada BPMI:
- a. Salinan sijil;
 - b. Salinan transkrip; dan
 - c. Salinan tesis (*hardcopy* dan *softcopy*).

10.0 TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN, JABATAN PERTANIAN

10.1 Tanggungjawab BPMI, Jabatan Pertanian adalah:

- i. Memastikan permohonan kemudahan cuti belajar dan Mesyuarat PPSM diselaraskan di peringkat Jabatan Pertanian;
- ii. Memastikan permohonan pegawai yang diluluskan untuk cuti belajar mengemukakan satu salinan surat tawaran pengajian kepada BPMI;

- iii. Memastikan pegawai menghantar Borang Aku Janji Pegawai Cuti Belajar Jabatan Pertanian yang lengkap sebelum memulakan cuti belajar;
- iv. Melaksanakan pemantauan terhadap pegawai cuti belajar;
- v. Memastikan pegawai yang telah hadir lapor diri di BK mengemukakan Borang Status Pengajian Pegawai Pertanian dan salinan surat lapor diri kepada BPMP;
- vi. Memastikan pegawai yang telah tamat pengajian mengemukakan dokumen berikut kepada BPMP:
 - a. Salinan sijil;
 - b. Salinan transkrip; dan
 - c. Salinan tesis (*hardcopy* dan *softcopy*).
- vii. Panel temu duga hendaklah dilantik oleh Ketua Pengarah Pertanian;
- viii. Memastikan panel temu duga melengkapkan Borang Skema Markah Temu duga selepas tamat sesi temu duga; dan
- ix. Menandatangani Borang Pengisytiharan Percanggahan Kepentingan (*Conflict Of Interest* – COI) sebelum sesi temu duga dan Mesyuarat PPSM.

11.0 TANGGUNGJAWAB PANEL TEMU DUGA

11.1 Tanggungjawab Panel Temu Duga adalah:

- i. Menandatangani Borang COI (**Borang PMI/KCB/5**) sebelum sesi temu duga dan serah kepada Urus Setia BPMP seperti;
- ii. Membuat sesi temu duga dan melengkapkan Borang Skema Markah Temu Duga Calon Kemudahan Cuti Belajar Jabatan Pertanian;

- iii. Wajib memberi ulasan bagi setiap permohonan dalam Skema Markah Temu Duga Calon Kemudahan Cuti Belajar Jabatan Pertanian; dan
- iv. Menyerahkan Skema Markah Temu Duga Calon Kemudahan Cuti Belajar Jabatan Pertanian kepada Urus Setia BPMP selepas tamat sesi temu duga.

12.0 HAK JABATAN

Jabatan berhak meminda Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar ini dari semasa ke semasa dan pegawai adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut.

13.0 TARIKH BERKUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa pada 5 Mac 2024.

14.0 PEMBATALAN


Dengan berkuatkuasanya Garis Panduan ini, Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Jabatan Pertanian Tahun 2022 bertarikh 27 Jun 2022 adalah dibatalkan.

15.0 RUJUKAN

- a. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005: Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam;
- b. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005: Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam;
- c. Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa; dan

- d. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Cuti. Versi 1.0 (2022), Ceraian SR.5.2.5: Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kursus Sambilan Kepada Pegawai Yang Mengikuti Pengajian Secara Sambilan Di Institusi Pengajian Tinggi Dalam Negara.

CARTA ALIR KEMUDAHAN CUTI BELAJAR JABATAN PERTANIAN



GARIS PANDUAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR JABATAN PERTANIAN


PEMANTAUAN OLEH BPMI

- BPMI membuat pemantauan secara bermesyuarat untuk memantau status pegawai cuti belajari cuti belajar

MULA DAN SEMASA PENGAJIAN

- Memulakan pengajian pada tarikh seperti mana yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Tetap
- Menghantar salinan dokumen berikut kepada BPMI
 - o Rangka kursus (*plan of study*)
 - o Laporan kemajuan atau keputusan peperiksaan

Membuat permohonan pelanjutan pengajian 3 bulan sebelum tamat cuti belajar kepada BPMI untuk diperaku Ketua Jabatan




Lapor diri

Peraku

Pegawai memuat naik permohonan pelanjutan ke dalam portal MySELF

Lapor diri



Tidak lulus

Lulus


Keputusan permohonan dari JPA

Sambung tempoh cuti belajar

TAMAT PENGAJIAN ATAU TAMAT TEMPOH CUTI BELAJAR

- Mengemukakan permohonan Lapor Diri secara atas talian melalui portal MySELF satu bulan sebelum tarikh tamat tempoh tajaan atau cuti belajar;
- Perlu lapor diri di BK dan memastikan BK mengemukakan surat pengesahan lapor diri kepada JPA dan salinan kepada BPMI

Maklumkan status pengajian pegawai kepada BPMI (**Borang PMI/KCB/4**)



Tamat

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- i. Kanser;
- ii. Serangan jantung;
- iii. Pulmonary Hypertension;
- iv. Sakit buah pinggang yang kronik;
- v. Sakit hati (liver) yang kronik;
- vi. Fullminant Viral Hepatitis;
- vii. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- viii. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- ix. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- x. Pemindahan organ utama;
- xi. Penyakit Parkinson;
- xii. Penyakit HIV dan Aids;
- xiii. Pemindahan kaki dan/atau tangan;
- xiv. Skizofernia; dan
- xv. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.

SENARAI SEMAK PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR

Semua dokumen seperti senarai di bawah perlu dikemukakan kepada BPMP, DOA:

SEBELUM TEMU DUGA

1. Surat permohonan rasmi kepada kepada pengarah BPMP;
 - i. **Borang JPA(L)LDP1B/96 (Pind.2020)** : Permohonan Mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan. ☐
 - Bahagian A – H diisi oleh pemohon manakala Bahagian I dilengkapi oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan.
 - Sila sediakan gambar terkini ukuran pasport.
 - ii. Borang sokongan Pengarah Bahagian atau Pengarah Pertanian Negeri (**Borang PMI/KCB/1**). ☐
 - Pegawai Skim Kader yang ditempatkan di Kementerian atau Jabatan atau Agensi berasingan perlu mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
2. Kertas Cadangan Penyelidikan atau Pengajian (Format seperti di **Lampiran 4**). ☐
3. Senarai mata pelajaran atau pra syarat yang ditetapkan oleh pusat pengajian secara Kerja Kursus (*Coursework*). ☐
4. Salinan sijil kelayakan akademik yang dimiliki oleh pemohon. ☐
5. Senarai tugas (*Job Description*) terkini yang disahkan oleh Ketua Pejabat. ☐

SELEPAS TEMU DUGA

1. **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)**
 - i. Kertas Cadangan Pengajian (yang telah ditambahbaik); ☐
 - Rujuk Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Penyelidikan atau Pengajian JPA
 - ii. Surat tawaran kursus mod sepenuh masa dari pusat pengajian; ☐
 - iii. Surat kelulusan penajaan – bagi pemohon yang mendapat tajaan biasiswa dari Badan Asing sahaja; ☐

- iv. Takwim pengajian sesi kemasukan yang dipilih; ☐
- v. Senarai mata pelajaran atau pra syarat lain yang ditetapkan oleh pusat pengajian secara Kerja Kursus (*Coursework*); ☐
- vi. Borang PMI/KCB/2 - Borang kelulusan Ketua Pengarah Pertanian; ☐
- vii. Borang JPA(L)LDP1A/96 - Laporan Jawatankuasa Latihan Kementerian atau Jabatan Untuk Kursus Dalam Perkhidmatan.
- Dilengkapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Latihan peringkat Ketua Jabatan atau Ketua Perkhidmatan. ☐
- viii. Salinan terkini Buku Perkhidmatan yang telah disahkan.
- Disertakan catatan kenyataan perkhidmatan, rekod cuti dan lembaran tatakelakuan. ☐
- ix. Salinan Kad Pengenalan pemohon. ☐
- x. Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak – pemohon telah berkahwin dan berkeluarga sahaja. ☐
- xi. Salinan keputusan atau slip pendaftaran TOEFL atau IELTS - pengajian luar negara sahaja. ☐

2. Cuti Belajar Separuh Gaji

- i. Kertas Cadangan Penyelidikan atau Pengajian (yang telah ditambahbaik).
- Rujuk Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Penyelidikan atau Pengajian JPA ☐
- ii. Surat tawaran kursus mod sepenuh masa dari pusat pengajian. ☐
- iii. Surat kelulusan penajaan – bagi pemohon yang mendapat tajaan biasiswa dari Badan Asing sahaja ☐
- iv. Takwim pengajian sesi kemasukan yang dipilih. ☐
- v. Senarai mata pelajaran atau pra syarat lain yang ditetapkan oleh pusat pengajian secara Kerja Kursus (*Coursework*). ☐
- vi. Borang PMI/KCB/2 - Borang kelulusan Ketua Pengarah Pertanian; ☐

- vii. Borang JPA(L)LDP1A/96 - Laporan Jawatankuasa Latihan Kementerian atau Jabatan Untuk Kursus Dalam Perkhidmatan. ☐
 - Dilengkapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Latihan peringkat Ketua Jabatan atau Ketua Perkhidmatan.
- viii. Salinan terkini Buku Perkhidmatan yang telah disahkan. ☐
 - Disertakan catatan kenyataan perkhidmatan, rekod cuti dan lembaran tatakelakuan.
- ix. Salinan Kad Pengenalan pemohon ☐
- x. Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak – pemohon telah berkahwin dan berkeluarga sahaja ☐
- xi. Salinan keputusan atau slip pendaftaran TOEFL atau IELTS - pengajian luar negara sahaja ☐

3. Cuti Belajar Tanpa Gaji

- i. Kertas Cadangan Penyelidikan atau Pengajian (yang telah ditambahbaik). ☐
 - Rujuk Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Penyelidikan atau Pengajian JPA
- ii. Surat tawaran kursus mod sepenuh masa dari pusat pengajian. ☐
- iii. Surat kelulusan penajaan – bagi pemohon yang mendapat tajaan biasiswa dari Badan Asing sahaja ☐
- iv. Takwim pengajian sesi kemasukan yang dipilih. ☐
- v. Senarai mata pelajaran atau pra syarat lain yang ditetapkan oleh pusat pengajian secara Kerja Kursus (*Coursework*). ☐
- vi. Borang PMI/KCB/2 - Borang kelulusan Ketua Pengarah Pertanian; ☐
- vii. Borang JPA(L)LDP1A/96 - Laporan Jawatankuasa Latihan Kementerian atau Jabatan Untuk Kursus Dalam Perkhidmatan; ☐
 - Dilengkapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Latihan peringkat Ketua Jabatan atau Ketua Perkhidmatan.
- viii. Salinan terkini Buku Perkhidmatan yang telah disahkan. ☐
 - Disertakan catatan kenyataan perkhidmatan, rekod cuti dan lembaran tatakelakuan.

☐

- ix. Salinan kad pengenalan pemohon
- x. Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak – pemohon telah berkahwin dan berkeluarga sahaja ☐
- xi. Salinan keputusan atau slip pendaftaran TOEFL atau IELTS - pengajian luar negara sahaja ☐

PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN / PENGAJIAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

(A) Panduan menulis cadangan penyelidikan (Ph.D dan Sarjana secara penyelidikan penuh)

Guideline to writing research proposal (Ph.D and Masters by research)

Pemohon dikehendaki mengemukakan cadangan penyelidikan (calon Ph.D dan calon Sarjana secara penyelidikan penuh). Kertas Cadangan tersebut haruslah mengandungi elemen berikut:

